

25 FEB 2001

Sukan-Bot Laju (F1)

LAITH PHARAON DARI ARAB SAUDI JUARA LUMBA BOT LAJU

Oleh: Asan Ahmad

JOHOR BAHRU, 25 Feb (Bernama) -- Laith Pharaon dari Arab Saudi memulakan rentak bagi musim 2001 Kejohanan Dunia F1 Bot Laju UIM dengan beliau menjuarai pusingan pertama yang diadakan di Selat Tebrau di sini, hari ini.

Ia kejuaraan pertama bagi peserta Saudi itu yang memulakan perlumbaan penuh di Perancis di pusingan kelima kejohanan tahun lepas.

Beliau memenangi perlumbaan dengan mencatatkan masa 55:30.52s yang membolehkan beliau mengutip 20 mata.

Sebenarnya Pharaon tidak menyerlah pada awal perlumbaan. Beliau ketinggalan dalam 10 pusingan pertama perlumbaan itu. Selepas beliau mengendalikan botnya dengan baik beliau meluru ke hadapan sehingga ke pusingan terakhir iaitu pusingan ke 28.

Phraon yang mewakili pasukan lumba Hyatt Hotels and Resorts melengkapkan perlumbaan dua hari itu dengan 60 pusingan termasuk pusingan-pusingan yang beliau buat semasa latihan rasmi.

"Kejayaan ini permulaan yang baik bagi musim 2001. Saya kini lebih yakin," kata Phraon.

Beliau berkata, sejak tiba di sini pasukannya menghadapi masalah dengan enjin bot. Kami berusaha gigih untuk mengatasinya dan menghasilkan sesuatu yang boleh dibanggakan.

Musim lepas banyak membawa cabaran kepada Phraon. Semasa pusingan Abu Dhabi botnya meletup dan di Turki botnya tidak dapat dikawal dan terbalik.

Kegagalan selaku juara dunia Scott Gillman selepas pusingan keempat membuka laluan bagi Pharaon untuk memenangi perlumbaan itu.

Gillman yang mencatatkan masa terpanjang dalam pusingan kelayakan terpaksa keluar daripada perlumbaan kerana masalah enjin.

Satu lagi peserta pilihan Guido Cappellini daripada Assicom team Italy juga terpaksa menarik diri kerana tidak dapat mengawal sterengnya selepas berlanggar dengan peserta Malaysia, Loi Kong Yau di pusingan ke 9.

Loi merupakan yang pertama untuk terkeluar daripada perlumbaan apabila botnya tenggelam selepas pelanggaran itu.

Dengan Gillman dan Cappellini terkeluar daripada perlumbaan, persaingan bagi tiga tempat teratas adalah antara Francesco Cantando dari Itali dan Sami Selio dari Finland.

Cantando daripada Pasukan Lumba Singha Beer yang menamatkan perlumbaan di tempat kedua keseluruhan musim lepas gagal mengulangi kecemerlangannya. Beliau menghadapi masalah dengan enjin pada peringkat awal permulaan.

Walaupun kemudiannya keadaan bertambah baik, sudah terlewat bagi beliau untuk mengejar dan terpaksa berpuas hati dengan tempat ketiga di belakang Sami Selio daripada Team Exide Finland -- yang merupakan kejayaan mengejutkan bagi mereka.

Cantando menamatkan perlumbaan dengan masa 55:32.00s di belakang Selio yang mencatatkan 55:32.34s bagi tempat kedua.

Dengan kejayaan itu, Selio berada di tempat kedua dalam kedudukan keseluruhan dengan 15 mata sementara Cantando dengan 12 mata di tempat ketiga.

Pasukan tajaan Arab-Malaysia Philippe Dessertenne dari Perancis yang menunjukkan permulaan memberangsangkan hanya mampu menduduki tempat keempat dengan catatan masa 55:35.35s dan 9 mata grand prix.

Dua pemandu Malaysia -- Loi Kong Yau daripada Caltex Havoline dan Simon Saw daripada Wircom-Malaysian tidak berjaya menamatkan perlumbaan. Bot Loi

terbalik selepas pusingan ke sembilan sementara Simoan tidak pun memulakan perlumbaan kerana botnya bocor selepas pusingan latihan rasmi.

Pusingan berikutnya akan berlangsung di Portugal pada April.

Perlumbaan hari ini disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan lebih 100,000 orang yang datang ke Tanjung Puteri untuk menyaksikan perlumbaan itu.

Sementara itu, pempromosi F1 Bot Laju UIM, Nicolo di San Germano berkata, inilah kejohanan Powerboat yang terbaik dianjurkan oleh mana-mana hos walaupun Malaysia hanya mempunyai tempoh empat bulan untuk membuat persiapan dan semuanya berjalan lancar.

Beliau berjanji untuk memastikan persekitaran yang lebih teratur bagi kejohanan yang sama di Tanjung Puteri tahun depan.

"Kemudahan lebih teratur akan disediakan untuk membolehkan orang ramai datang menyaksikan perlumbaan dalam persekitaran lebih selesa," kata Nicolo hari ini.

"Saya terkejut melihat bilangan besar orang datang menyaksikan dan ramai yang tidak dapat peluang untuk melihat perlumbaan itu kerana ruang yang terhad," katanya.

-- BERNAMA

AHA PR